

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN
YAAKUB [MACHANG]**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah terkini kaki tangan awam yang berstatus Orang Kelainan Upaya (OKU) dan bilakah jangkauan 1 peratus kaki tangan OKU ini akan berjaya dicapai.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Yang di Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, statistik daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menunjukkan bahawa sehingga 30 Jun 2019, jumlah pengisian OKU dalam Perkhidmatan Awam adalah seramai 3,686 pegawai atau 0.29%.

2. Manakala, statistik urusan pengambilan di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) menunjukkan bahawa pada tahun 2019 (sehingga Jun), seramai 44 orang atau 0.49% calon OKU dilantik ke Perkhidmatan Awam daripada sejumlah 8,924 calon lantikan tetap. Pada tahun 2018 pula, daripada seramai 13,454 pelantikan tetap, SPA telah melantik seramai 114 atau 0.85% calon OKU ke Perkhidmatan Awam.

3. SPA sentiasa menjadikan sasaran 1% peluang pekerjaan dalam Perkhidmatan Awam kepada OKU seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2010 sebagai asas dalam semua urusan pengambilan. Sungguhpun demikian, pencapaian sasaran ini banyak bergantung kepada kesediaan Kementerian/Jabatan yang menerima penempatan calon OKU. Ia perlu disesuaikan di antara norma kerja dan jenis kecacatan calon OKU. Selain itu, aksesibiliti dan kemudahan OKU di bangunan pejabat atau tempat kerja juga perlu diambil kira bagi memastikan tugas yang diberikan dapat dilaksanakan dengan lancar. Sasaran 1% OKU dalam Perkhidmatan Awam boleh dicapai sekiranya perkara ini ditambah baik dari semasa ke semasa.

4. Pencapaian 1% OKU juga banyak bergantung pada semua pihak yang terlibat. SPA adalah satu daripada Pihak Berkuasa Melantik (PBM) dalam Perkhidmatan Awam. Selain SPA, pelantikan calon OKU juga turut dilaksanakan oleh PBM yang lain.

Sekian, terima kasih.